

03 NOV 1998

Mahathir-Cuepacs

MAHATHIR AKAN JUMPA CUEPACS MENGENAI RAYUAN INSENTIF

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan menemui Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berhubung rayuan mereka agar kakitangan kerajaan diberi insentif sebagai ganti kepada bonus yang tidak dapat diberi tahun ini berikutan kegawatan ekonomi.

"Saya akan berjumpa dengan mereka," katanya kepada pemberita selepas majlis penyerahan komponen-komponen pesawat yang dikeluarkan oleh Airod kepada syarikat pembekal komponen pesawat dari Jepun dan Amerika Syarikat.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan Pertama, berkata perjumpaan itu akan diadakan seberapa segera.

Beliau diminta mengulas kenyataan Presiden Cuepacs Abdul Aziz Mohd Sutan mengenai rayuan itu Ahad lepas.

Abdul Aziz berkata, 70 anggota gabungan dalam mesyuarat kongres pada hari berkenaan bersetuju untuk membuat rayuan itu dengan alasan kakitangan kerajaan memerlukan insentif antara lainnya untuk menampung kenaikan harga barangan keperluan dan membantu kakitangan berpendapatan rendah membiayai perbelanjaan persekolahan anak-anak.

Ketika diminta mengulas keputusan Hakim Datuk S. Augustine Paul untuk tidak memberikan status pemerhati kepada pertubuhan tempatan dan asing yang ingin mengikuti perbicaraan bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, Dr Mahathir berkata mereka nampaknya berada di sini bukan untuk perbicaraan tetapi sebaliknya mahu mengadili mahkamah dan hakim.

"Mereka tidak sepatutnya datang ke sini untuk mengadili para hakim seolah-olah mereka lebih arif mengenai bagaimana keadilan harus dijalankan, bahawa mereka harus mengawasi para hakim kita untuk melihat sama ada kita tahu bagaimana untuk melaksanakan keadilan atau tidak," katanya.

Dr Mahathir berkata para pemerhati itu boleh menghadiri perbicaraan jika tempat duduk mencukupi di mahkamah.

-- BERNAMA

AFY AKD